

UNIT 13: GUNAKANLAH PRASARANA SECARA BERHEMAH

1. Antara berikut , yang manakah merangkumi prasarana? (Pilih 2 jawapan)

- a) Kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan
- b) Perkhidmatan batas yang disediakan oleh kerajaan
- c) Perkhidmatan pinjaman yang disediakan oleh kerajaan
- d) Perkhidmatan asas yang disediakan oleh kerajaan

2. Yang manakah **bukan** cara untuk menggunakan prasarana secara berhemah?

- a) Menggunakan buaian dengan berhati-hati di taman permainan.
- b) Pamkan air selepas menggunakan tandas di rumah.
- c) Tidak mengotorkan kemudahan awam di stesen keretapi.
- d) Tidak menconteng tempat duduk di dalam bas kerajaan.

3. Terdapat segelintir masyarakat yang tidak menggunakan prasarana dengan berhemah. Apakah kesannya kepada kerajaan ?

4. Jika pili bomba dihalang secara sengaja, ia mungkin akan menyebabkan..... .

- a) nyawa terkorban.
- b) pili itu berkarat.
- c) pihak bomba bermaharajalela.
- d) pili bomba baru diwujudkan.

5. Pilih prasaran yang biasanya didapati kawasan rehat dan rawat.

- a) Balai polis b) Tandas c) Kedai makan d) Klinik

6. "Duduk bercangkung"

"Menconteng."

Kesalahan-kesalahan di atas adalah paling berkaitan dengan..... .

- a) Balai polis b) Tandas awam c) Kedai makan. d) Klinik

7. Di Malaysia, tabiat menampal iklan tanpa kebenaran berleluasa di

- a) perhentian basikal b) perhentian kapal terbang
c) perhentian bas d) perhentian Sungai Buloh

8. Perbuatan menconteng tempat awam dan merosakkan harta awam disebut..... .

- a) demokrasi b) kebebasan c) vandalisme d) kemerdekaan

9. Sikap berhemah menunjukkan kita mengamalkan nilai demi bersama.

- a) sederhana. Keburukan b) boros, kemusnahan
c) boros, kebaikan d) sederhana, kebaikan

10. Perkara yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pengawasan sesuatu tempat atau bangunan.

- a) Pemuliharaan b) Penyelenggaraan
c) Perkhidmatan d) Perebutan